

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 6 Mei 2021**



**KENYATAAN MEDIA**  
**INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA**  
**MAC 2021**

---

**Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia melonjak 9.3 peratus pada Mac 2021, tertinggi sejak Julai 2013**

**PUTRAJAYA, 6 MEI 2021 –** Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP), MALAYSIA, MAC 2021** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor utama; Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) melonjak **9.3 peratus** pada bulan Mac 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan IPP pada bulan Mac 2021 dipacu oleh indeks Pembuatan dan Elektrik apabila masing-masing meningkat **12.7 peratus** dan **10.3 peratus**. Sementara itu, indeks Perlombongan menguncup **1.9 peratus**.”

Output sektor Pembuatan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun meningkat **12.7 peratus** pada bulan Mac 2021 selepas mencatatkan pertumbuhan 4.5 peratus pada bulan Februari 2021. Subsektor utama yang menyumbang kepada kenaikan sektor Pembuatan pada bulan Mac 2021 adalah Kelengkapan Pengangkutan & Pembuatan Lain (**20.9%**), Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (**14.1%**) dan Produk Peralatan Elektrik & Elektronik (**13.8%**). Industri berorientasikan eksport menyumbang kepada pertumbuhan sektor Pembuatan sebanyak **12.4 peratus** manakala industri berorientasikan domestik meningkat **13.4 peratus**. Pertumbuhan sektor Pembuatan turut didorong oleh kadar kapasiti penggunaan kilang yang tinggi terutamanya dalam subsektor Produk Peralatan Elektrik & Elektronik dan Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik. Selain itu, prestasi sektor Pembuatan ini juga selari dengan pertumbuhan eksport yang memberangsangkan dan IPP bagi beberapa rakan dagang utama Malaysia.


Output sektor Perlombongan menguncup **1.9 peratus** pada bulan Mac 2021 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Kemerosotan tersebut disebabkan oleh penurunan dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat (**-9.4%**). Pada masa yang sama, indeks Gas Asli tumbuh positif **4.3 peratus**.

Output sektor Elektrik meningkat **10.3 peratus** pada bulan Mac 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

IPP bagi suku tahun pertama 2021 berkembang **3.9 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disebabkan oleh peningkatan **6.8 peratus** dalam indeks Pembuatan. Sementara itu, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing merekodkan kemerosotan **4.1 peratus** dan **0.1 peratus**.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara bersemuka dan atas talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari Portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

#### CARTA 1 : PRESTASI INDEKS PENGETAHUAN PERINDUSTRIAN MAC 2021



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
6 MEI 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 6 May 2021**



**MEDIA STATEMENT**  
**INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION, MALAYSIA**  
**MARCH 2021**

---

***Malaysia's Industrial Production Index (IPI) surged 9.3 per cent in March 2021,  
the highest since July 2013***

**PUTRAJAYA, 6 MAY 2021** – The Department of Statistics Malaysia, today released **INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX (IPI), MALAYSIA, MARCH 2021**. This publication presents statistics on IPI which consists of three main sectors; Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said “The Industrial Production Index (IPI) surged **9.3 per cent** in March 2021 as compared to the same month of the previous year. The growth of IPI in March 2021 was driven by the Manufacturing and Electricity index which increased **12.7 per cent** and **10.3 per cent** respectively. Meanwhile, Mining index dropped **1.9 per cent**.”

The Manufacturing sector output based on year-on-year comparison rose by **12.7 per cent** in March 2021 after recording a growth of 4.5 per cent in February 2021. The major sub-sectors contributing to the growth in Manufacturing sector in March 2021 were Transport Equipment & Other Manufactures (**20.9%**), Petroleum, Chemical, Rubber & Plastic Products (**14.1%**) and Electrical & Electronics Products (**13.8%**). The export-oriented industries driven the growth of the Manufacturing sector by **12.4 per cent** while domestic-oriented industries increased by **13.4 per cent**. The growth of the Manufacturing sector was also driven by the high capacity utilization rate especially in Electrical & Electronic Products and Petroleum, Chemical, Rubber & Plastic Products sub-sectors. In addition, the performance of the Manufacturing sector also in line with the notable growth in exports and IPI for some of main trading partners of Malaysia.


The Mining sector output dropped **1.9 per cent** in March 2021 as compared to the same period of the previous year. The deterioration was due to the decrease in Crude Oil & Condensate index (**-9.4%**). Meanwhile, Natural Gas index grew positively **4.3 per cent**.

The Electricity sector output expanded **10.3 per cent** in March 2021 as compared to the same month of the previous year.

The IPI for the first quarter 2021 increased **3.9 per cent** as compared to the same period of the previous year. The growth was due to the expansion **6.8 per cent** in Manufacturing index. Meanwhile, Mining and Electricity sector recorded a deterioration of **4.1 per cent** and **0.1 per cent** respectively.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face-to-face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30<sup>th</sup> June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.

#### **CHART 1 : PERFORMANCE OF INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX MARCH 2021**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
6 MAY 2021**